

CNS6895

U GB 04-04 00168 BA582

aab

Mahathir - Iran

MALAYSIA BERMINAT SERTAI PEMBANGUNAN IRAN

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

TEHERAN, 4 April (Bernama) -- Malaysia berminat menyertai program pembangunan Iran terutamanya dalam pembangunan zon perdagangan bebas, telekomunikasi, perumahan, lebuhraya, pelabuhan, pusat percutian dan perlombongan.

Ia juga ingin melabur dalam sektor pembuatan dan dalam perkhidmatan perundingan kewangan dan lain-lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata demikian di sini hari ini, menarik perhatian bahawa pengilang dan pengusaha Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah memperolehi pengalaman dan kepakaran dalam bidang-bidang itu dan bersedia untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan mereka dengan Iran.

Ketika berucap pada satu majlis makan tengah hari bersama ahli perniagaan Iran di sini, Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan empat hari ke Iran, menyentuh tentang perlunya kedua-dua negara meningkatkan hubungan dagangan dan ekonomi mereka.

Beliau berkata meskipun kedua-dua negara telah lama menjalinkan hubungan kebudayaan dan ekonomi, hubungan perdagangan dan ekonomi mereka masih kecil.

-- Lagi

▼04/04/17-16MST

CNS6900

U GB 04-04 00127 BA583

aab

Mahathir - Iran 2 Teheran

Jumlah dagangan Malaysia dengan Iran, kata beliau, hanya di sekitar AS70 juta setahun berbanding dengan jumlah dagangan yang lebih besar dengan negara-negara lain di rantau Asia Barat.

Sebahagian besar dagangan tertumpu kepada petroleum, komoditi dan beberapa barangan perkilangan.

Dr Mahathir berkata keadaan ini tidak mencerminkan potensi sebenar yang wujud antara kedua-dua negara.

Beliau mencadangkan supaya lebih banyak lawatan diadakan, di peringkat sektor kerajaan dan swasta agar masing-masing menyedari mengenai potensi dan peluang ekonomi satu sama lain.

Beliau tertarik dengan langkah Iran untuk mewujudkan sistem ekonomi bebas dan menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Dr Mahathir berkata dalam hubungan ini, Malaysia bersedia untuk bekerjasama dan berkongsi pengalamannya dengan Iran. -- Lagi

▼04/04/17-20MST

CNS6910

U GB 04-04 00103 BA585 ''

aab

Mahathir - Iran 3 (Akhir) Teheran

Sambil menyuarakan kebimbangannya terhadap kecenderungan perlindungan di kalangan negara-negara maju dan kesan buruknya terhadap ekonomi negara-negara membangun, Perdana Menteri berkata kesan seperti itu boleh dikurangkan jika Malaysia dan negara-negara di Selatan berusaha meningkatkan pertukaran dagangan dan ekonomi di kalangan mereka.

Beliau menggesa Iran supaya menganggotai Pusat Pertukaran Maklumat Teknologi Perdagangan dan Pelaburan Selatan (SITTDEC) yang berpejabat di Kuala Lumpur.

Katanya, pusat itu menyediakan wadah bagi negara-negara Selatan meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pengaliran teknologi di kalangan mereka dan dengan menjadi anggota, Iran dapat menggunakan kemudahannya. -- Bernama

▼04/04/17-32MST